

# Tindakan sudah sedikit melampau'

**K**UALA LUMPUR: Tindakan Tun Dr Mahathir Mohamad berkongsi platform dengan pembangkang dan mereka yang dipecat daripada Umno untuk mengkritik kerajaan dan kepemimpinan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, disifatkan sebagai 'sudah sedikit melampau'.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata tindakan Dr Mahathir itu boleh menjejaskan kestabilan politik dan Umno serta menimbulkan prasangka kepada Perdana Menteri sebagai Presiden Umno.

"Jika dibiarkan berterusan, tindakan Dr Mahathir itu boleh menimbulkan kebimbangan dan kekecewaan di kalangan anggota Umno sendiri," katanya selepas merasmikan Seminar Pembentukan Jati Diri dan Anugerah Khidmat Cemerlang Jabatan Perkhidmatan Haiwan Malaysia di Port Dickson, semalam.

Muhyiddin yang juga Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani berkata, ketika ini pun sudah ada ahli Umno mula mempersoalkan kesetiaan Dr Mahathir kepada parti

berikutan tindakan berterusannya menghentam kerajaan.

"Ramai ahli Umno kecewa... saya pergi mana-mana orang tanya... apakah benar Tun adakan majlis dengan pembangkang dan orang yang menentang dan dipecat daripada parti turut serta.

"Keadaan ini bukan sesuatu yang baik. Jadi, saya rayu supaya Tun fikir semula... jika tak puas hati dengan kepemimpinan, saya fikir tiada masalah berjumpa dan bincang," katanya.

Seorang lagi Naib Presiden Umno, Datuk Seri Mohd Ali Rustam, berkata beliau berharap tindakan Dr Mahathir menghentam kerajaan tidak berpanjangan dan dapat diselesaikan secara baik, demi kepentingan semua.

"Saya dukacita Dr Mahathir terbabit dengan pembangkang, kerana ia sudah tentu tidak elok bagi kerajaan dan Umno.

"Saya juga bimbang kenyataan Dr Mahathir itu akan memberi kesan terhadap kestabilan politik dan menjejaskan pertumbuhan ekonomi negara yang semakin positif

ketika ini," katanya pada sidang media di pejabatnya, di Melaka, semalam.

Mohd Ali yang juga Ketua Menteri Melaka yakin ada dalang mengambil kesempatan menimbulkan suasana yang tidak elok itu dan mereka menggunakan bekas Perdana Menteri itu untuk meluahkan perasaan masing-masing.

Sementara itu, Pergerakan Pemuda Umno, dalam kenyataannya berkata, kehadiran Dr Mahathir dalam dialog yang dihadiri oleh pemimpin pembangkang itu sebagai sesuatu yang tidak wajar dan sepatutnya dielakkan.

"Masyarakat melihat Dr Mahathir bersekongkol dengan individu yang tujuan mereka hanya untuk menghancurkan Umno, lebih-lebih lagi apabila Dr Mahathir secara terang-terangan membidas kepemimpinan parti.

"Ini tentunya tidak boleh diterima anggota Umno dan Pemuda akan terus mempertahankan Umno termasuk Presiden daripada kecaman dan tuduhan termasuk yang dilemparkan terhadap Naib Ketua Pemuda Umno (Khairy Jamaluddin)," katanya.